

09 JUL 2000

Maha 2000

SATU JUTA ORANG DIJANGKA KUNJUNGI MAHA 2000

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Lebih sejuta orang dijangka mengunjungi Pameran Malaysian Agricultural, Horticultural and Agrotourism kedua (Maha 2000) yang akan diadakan selama sembilan hari mulai 22 Julai di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Maha 2000 membolehkan pihak kerajaan, swasta, usahawan, petani dan orang ramai menyaksikan teknologi dan inovasi terkini dan canggih yang pasti membantu mempertingkatkan sektor pertanian di negara ini ke tahap lebih komersil.

Sebanyak 8,000 pengusaha dari industri pertanian akan menghadiri upacara pembukaan Maha 2000 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Julai yang diadakan sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan.

Maha 2000 anjuran Kementerian Pertanian ini juga diadakan selaras dengan wawasan Dr Mahathir yang mahu melihat sektor pertanian di Malaysia berkembang maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa serta mengurangkan import.

Menurut penganjur dalam satu kenyataan di sini hari ini, pengunjung akan dikenakan bayaran yang berpatutan iaitu RM3 untuk orang dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak yang bertujuan menarik lebih ramai pengunjung ke Maha 2000.

Pelbagai acara menarik telah diatur sempena pameran ini yang berasaskan tiga segmen utama iaitu pameran komoditi dan perkembangan industri, pameran hasil penyelidikan dan pameran produk/industri baru.

Para petani dan pengusaha berpeluang melihat hasil penyelidikan saintis dan penyelidik tempatan dalam bidang pertanian yang berupaya dikomersilkan.

Penemuan produk baru seperti kenaf dan herba serta industri baru yang berpotensi, misalnya bidang bioteknologi turut akan dipamerkan bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan dari pihak swasta.

Lain-lain tarikan Maha 2000 ialah Fiesta Buah-buahan, pesta sate, pertandingan masak-memasak, pertunjukan Equine, persembahan anjing jinak, pertunjukan ayam cantik dan pertandingan kucing antarabangsa.

Maha 2000 juga dijangka memberi kesempatan kepada pengunjung asing melihat lebih dekat produk pertanian tempatan kerana ia diadakan semasa persidangan Rangkaian Buah-Buahan Tropikal pada 27 Julai yang akan disertai hampir 200 perwakilan dari 60 negara.

-- BERNAMA

AR ZS zb